

28/08/1999

Mahathir terima kad ucapan Hari Kebangsaan

PUTRAJAYA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerima kad ucapan, lukisan dan kek sempena Hari Kemerdekaan ke-42 daripada pelajar Kolej Yayasan Saad, Pusat Masyarakat Bagi Orang Pekak dan syarikat Lion Group di sini, hari ini.

Sumbangan itu bertujuan menunjukkan rasa bangga mereka atas kemajuan negara di bawah pentadbiran Perdana Menteri selain menggambarkan sikap patriotik rakyat pelbagai peringkat umur dan kaum menjelang sambutan Hari Kebangsaan tahun ini.

Pengetua Kolej Yayasan Saad, Melaka, Ramli Maidin, berkata pelajar dan guru bekerjasama menghasilkan lukisan yang mengandungi 329 tandatangan pelajar dan 82 guru di bahagian belakangnya untuk disampaikan kepada Perdana Menteri.

"Usaha ini adalah satu pendidikan kepada pelajar kolej supaya menyanjung pemimpin negara.

"Selain itu, ia bertujuan menanam nilai menghargai dan menghormati pemimpin yang mengharumkan nama Malaysia di mata dunia," katanya.

Beliau berkata, lukisan itu bernilai RM400 dan diilhamkan oleh pensyarah.

Wakil Pusat Masyarakat Bagi Orang Pekak, Bukit Nenas, Wis Ma Putri, pula berkata 37 pelajar pusat berkenaan dengan bantuan tujuh penyelia, berusaha selama seminggu untuk menghasilkan lukisan untuk disampaikan kepada Dr Mahathir.

Lukisan itu mengandungi slogan "Malaysia Boleh, Kami Juga Boleh, dan Selamat Hari Merdeka Datuk Seri" menjelang alaf baru. Lukisan itu menunjukkan gambar beberapa warganegara termasuk Dr Mahathir.

Mewakili syarikat Lion Group adalah Eksekutif Kanannya, Fauziah Harun, yang berkata mereka berusaha selama dua bulan untuk mengumpul 5,000 tandatangan kakitangan dari seluruh negara untuk dimasukkan ke dalam kad ucapan yang diserahkan kepada Perdana Menteri.

Kad itu mengandungi imej kereta Proton, Menara Berkembar Petronas dan Putrajaya.

Lion juga menyampaikan kek Jalur Gemilang seberat lima kilogram kepada Dr Mahathir.

(END)